

Register your product and get support at  
[www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome)

DVP3880K



---

EN	User manual	7
MS-MY	Manual pengguna	31
ZH-TW	使用手册	55

---



**PHILIPS**



**EN** Please refer to the safety information before using the product.

**MS-MY** Sila rujuk maklumat keselamatan sebelum menggunakan produk ini.

**ZH-TW** 在使用產品之前請參閱安全資訊。




# 1




HDMI OUT



COAXIAL      AUDIO OUT



2



### HDMI OUT




HDMI OUT



### Pr Pb Y + AUDIO OUT



Pr Pb Y  
L R



### TV OUT + AUDIO OUT




L R TV OUT


L R VIDEO




# 3



# 4



# 5



# 6



2




DVD  
VCD  
CD


1




3




4




1



2



3



# Daftar kandungan

Sambung dan main .....	3
Keselamatan.....	32
Kawal dan main.....	33
Tayangan slaid foto dan muzik.....	35
Karaoke .....	36
Pilihan.....	38
Tukar CD audio kepada fail MP3 .....	39
Philips EasyLink.....	40
<b>Persediaan</b>	<b>41</b>
Persediaan umum.....	42
Persediaan video .....	43
Persediaan audio .....	44
Keutamaan.....	45
<b>Kemas kini perisian .....</b>	<b>47</b>
Menyelesaikan masalah.....	48
Spesifikasi .....	50
Notis .....	52



# Keselamatan

Baca dan fahami semua arahan sebelum anda menggunakan pemain DVD ini. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

## Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

## Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Sebelum anda menyambung produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di bahagian belakang produk ini. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.
- Jangan dedahkan langsung alat kawalan jauh atau bateri kepada hujan, air atau suhu panas melampau.
- Elakkan daripada mengenakan daya yang kuat pada palam kuasa. Palam kuasa yang longgar boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran.

## Risiko kecederaan atau kerosakan terhadap produk!

- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.
- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkat dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.

## Risiko pemanasan melampau!


- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk.

## Risiko pencemaran!

- Keluarkan bateri jika ia habis atau jika alat kawalan jauh tidak akan digunakan dalam masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

## Risiko tertelan bateri!

- Produk/alat kawalan jauh mungkin mengandungi bateri jenis syiling, yang boleh ditelan. Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa!



# Kawal dan main



## Catatan

- Apabila "X" muncul, ini bermakna bahawa operasi ini tidak tersedia untuk media semasa atau pada masa semasa.

Media	Fungsi	Butang / Tindakan
	Hentikan mainan	■
	Hentikan sebentar atau sambung semula main.	▶
	Langkau ke tajuk, bab, runut atau fail sebelum/seterusnya	◀/▶
	Pilih bahasa audio atau saluran audio.	AUDIO
	Pilih bahasa sari kata.	SUBTITLE
	Kembali ke laman utama	⬆
	Kembali ke menu induk	⬅ BACK
	Kembali ke menu cakera	DISC MENU
	Dayakan atau nyahdaya ciri PBC (kawalan main balik)	DISC MENU
	Pilih mod ulangan	1) Tekan REPEAT/REPEAT A-B. 2) Tekan ◀◀/▶▶.
	Ulang bahagian tertentu dalam runut	1) Tekan REPEAT/REPEAT A-B dua kali untuk memilih titik mula. 2) Tekan REPEAT/REPEAT A-B sekali lagi untuk memilih titik akhir. • Untuk menyambung semula mainan biasa, tekan REPEAT/REPEAT A-B.



## Kawal dan main

Media	Fungsi	Butang / Tindakan
	Langkau ke tajuk atau bab yang baru.	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Tekan <b>GOTO</b>.</li><li>2) Tekan ▲ / ▼ untuk memasukkan nombor tajuk/bab.</li><li>3) Tekan <b>OK</b> untuk mengesahkan.</li></ol>
	Langkau ke runut	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Nyahdaya PBC.</li><li>2) Tekan <b>GOTO</b>.</li><li>3) Tekan ▲ / ▼ untuk memasukkan nombor trek.</li><li>4) Tekan <b>OK</b> untuk mengesahkan.</li></ol>
	Cari laju ke belakang/kehadapan.	Tekan ◀◀ / ▶▶ berulang kali untuk memilih kelajuan.
	Cari perlahan ke hadapan.	Tekan ▲ berulang kali untuk memilih kelajuan.
	Cari perlahan ke belakang.	Tekan ▼ berulang kali untuk memilih kelajuan.
	Zum masuk atau keluar.	<p>Tekan .</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menyorot melalui imej yang telah dibesarkan, tekan ▲ / ▼ / ◀◀ / ▶▶.</li></ul>
	Putar foto	Tekan ▲ / ▼ / ◀◀ / ▶▶.
	Beralih antara Mod Seronok (gambar dalam warna) dan Mod Ringkas (gambar dalam hitam putih)	Tekan <b>DISC MENU</b> semasa tayangan slaid foto.




### Catatan

- Anda hanya boleh memainkan video DivX yang telah disewa atau dibeli dengan kod pendaftaran DivX® pemain ini. (Rujuk kepada "Persediaan" > "Persediaan Umum" > [Kod Vod DivX(R)])
- Fail sari kata dengan nama sambungan fail berikut (.srt, .smi, .sub, .ssa, .ass, .txt) disokong tetapi tidak muncul pada senarai fail.
- Nama fail sari kata hendaklah sama dengan nama fail video DivX (tidak termasuk sambungan fail).
- Fail video DivX dan fail sari kata hendaklah disimpan dalam direktori yang sama.



# Tayangan slaid foto dan muzik



- 1 Tekan ▲ / ▼ untuk memilih █, kemudian tekan **OK**.  
↳ Semua folder dan fail yang disokong tersenarai.
- 2 Tekan ▲ / ▼ untuk memilih fail muzik, dan kemudian tekan **OK** untuk memulakan mainan.
  - Jika fail muzik disimpan dalam folder atau subfolder, akses direktorinya dahulu.
- 3 Tekan ▲ / ▼ untuk memilih fail gambar, dan kemudian tekan **OK** untuk memulakan tayangan slaid.
  - Jika fail gambar disimpan dalam folder atau subfolder, akses direktorinya dahulu.
  - Untuk menghentikan tayangan slaid, tekan █.
  - Untuk menghentikan muzik, tekan █ sekali lagi.




## Catatan

- Fail muzik dan gambar hendaklah disimpan pada cakera yang sama atau peranti storan USB.
- Jika banyak fail dikumpul dalam satu cakera atau peranti storan USB, masa yang lebih panjang diperlukan untuk membaca dan memaparkan kandungannya.
- Pemain ini hanya dapat memaparkan gambar kamera digital berformat JPEG-EXIF, yang digunakan oleh kebanyakan kamera digital. Ia tidak dapat memaparkan Motion JPEG atau gambar dalam format selain daripada JPEG. Klip bunyi yang berkaitan dengan gambar juga tidak dapat dipaparkan.
- Jika gambar JPEG tidak dirakam sebagai fail jenis "exif", gambar imej kecilnya akan dipaparkan sebagai "gunung biru".





# Karaoke

1



2



3

4

Karaoke	Mikrofon	• Dimatikan
	Klntngn Mik	
	GEMA	
	Mata Karaoke	
	Peraduan lagu	• Dimatikan
	Anjknici	
	Vokal	• Tiada Vokal

**[Mikrofon]**

Dayakan atau nyahdaya ciri Karaoke.

**Catatan**

- Sebelum anda menukar tetapan Karaoke yang lain, tetapkan pilihan ini kepada **[Hidup]** dahulu.

**[KIntngn Mik]**

Laraskan paras kelantangan input mikrofon.

**[GEMA]**

Laraskan paras gema input mikrofon.

**[Mata Karaoke]**

Pilih paras kesukaran untuk memberi skor pada nyanyian anda. Selepas suatu lagu berakhir, skor akan diberi.

**[Peraduan lagu]**

Jalankan pertandingan Karaoke dengan rakan-rakan anda.

Dayakan ciri ini, dan kemudian ikut arahan pada skrin untuk memulakan pertandingan.

**[Anjknci]**

Naikkan atau turunkan paras nada muzik.

**[Vokal]**

Pilih atau matikan vokal utama.

## Rakam lagu-lagu anda.

Anda boleh merakam lagu-lagu anda sendiri pada peranti storan USB. Lagu-lagu yang dirakam disimpan sebagai .fail MP3.

- 1 Masukkan peranti storan USB yang disokong.
- 2 Tekan **● KARAOKE**.
- 3 Ikut arahan pada skrin untuk menyelesaikan tetapan.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan tetapan, dan kemudian mula menyanyi mengikut muzik.  
↳ Rakaman akan berhenti pada akhir lagu.
  - Untuk keluar daripada merakam, tekan **● KARAOKE** sekali lagi.

**Catatan**

- Pastikan peranti storan USB mempunyai baki memori yang mencukupi.
- Cakera DTS atau cakera yang dilindung salin tidak dapat digunakan untuk merakam.



# Pilihan



Semasa mainan, tekan **:OPTIONS** untuk mengakses item berikut.

Media	Item tetapan	Fungsi
 VIDEO CD 2.0	[Maklumat]	Paparkan maklumat mainan.
 VIDEO CD 2.0	[PBC]	Dayakan atau nyahdaya PBC.
 VIDEO	[Nisbah aspek]	Pilih nisbah paparan gambar pada TV.
 VIDEO	[Kelantangan]	Laraskan paras kelantangan.
	[Sudut]	Pilih sudut kamera yang tersedia.
	[Warna]	Pilih Mod Seronok (foto dalam warna) atau Mod Ringkas (foto dalam hitam putih).
	[Pratonton foto]	Paparkan imej kecil foto.
	[Mic]	Dayakan atau nyahdaya ciri Karaoke.
	[Karaoke]	Naikkan atau turunkan paras kelantangan dan paras gema input mikrofon, dan aras nada muzik.
	[Vokal]	Pilih atau matikan vokal utama.



# Tukar CD audio kepada fail MP3

Bahasa Melayu



Iikut arahan pada skrin untuk menyelesaikan proses.

↳ Fail MP3 yang dibuat disimpan dalam folder bernama “\_PHILIPS”.



## Catatan

- CD DTS dan CD yang dilindung salin tidak boleh ditukar.
- Peranti storan USB yang dilindung tulis atau dienkripsi tidak boleh digunakan untuk menyimpan fail MP3.



# Philips EasyLink

Pemain ini menyokong EasyLink Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Anda boleh menggunakan alat kawalan jauh yang sama untuk mengawal peranti yang patuh EasyLink yang bersambung melalui HDMI.



## Catatan

- Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

Pastikan bahawa ciri HDMI CEC didayakan pada TV dan peranti lain yang bersambung (lihat manual pengguna TV atau peranti lain untuk mendapatkan butirannya).

- 1 Tekan **Home**.
- 2 Pilih **⚙️**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Video] > [P'sediaan HDMI] > [Sdiaan EasyLink]**.
- 4 Pilih **[Dihidupkan]** di bawah pilihan-pilihan berikut: **[EasyLink], [Main Satu Sth],** dan **[SSediaStuSntuh]**.  
↳ EasyLink didayakan.

## Mainan Satu Sentuhan




Apabila anda memainkan cakera, TV beralih kepada saluran input video yang betul secara automatik.

## Siap Sedia Satu Sentuhan

Apabila anda tekan dan tahan **◊** (siap sedia) pada alat kawalan jauh pemain ini, pemain ini dan semua peranti HDMI CEC yang bersambung (jika ia menyokong siap sedia satu sentuhan) akan beralih kepada siap sedia dengan serentak.



# Persediaan



- Tekan **▲ / ▼** untuk memilih item menu atau pilihan tetapan.
- Tekan **OK** untuk mengakses menu peringkat lebih rendah atau sahkan pilihan tetapan yang dipilih.
- Tekan **⬅ BACK** untuk kembali ke menu peringkat lebih tinggi.



## Catatan

- Apabila item menu dikelabukan, ini bermakna tetapannya tidak dapat ditukar pada keadaan semasanya.



# Persediaan

## Persediaan umum

Ummum	Kunci Cakera	• Buka Kunci
Video	Bahasa Osd	• Melayu
Audio	Pemasra Tidur	• Dimatikan
Keutamaan	Tggu Sdia Auto	• Hidup
	Kod Vod DivX(R)	• Pendaftaran

[Kunci Cakera] - Hadkan mainan cakera (maksimum 20 cakera boleh dikunci).

- [Kunci] - Kuncikan cakera semasa. Untuk memainkan atau membuka kunci cakera ini, anda hendaklah memasukkan kata laluan.
- [Buka Kunci] - Mainkan semua cakera.

[Bahasa Osd] - Pilih bahasa bagi menu pada skrin.

[Pemasra Tidur] - Tetapkan tempoh masa bagi pemain beralih kepada mod siap sedia Ekokuasa secara automatik.

[Tggu Sdia Auto] - Dayakan ciri ini untuk secara automatik beralih kepada mod siap sedia Ekokuasa selepas tiada aktiviti selama 15 minit.

[Kod Vod DivX(R)] - Paparkan kod pendaftaran dan kod pembatalan pendaftaran DivX®.



### Catatan

- Pergi ke [www.divx.com/vod](http://www.divx.com/vod) untuk mendapatkan cara mendaftarkan pemain anda dan menyewa atau membeli video DivX.
- Video DivX yang disewa atau dibeli oleh kod pendaftaran ini hanya dapat dimainkan pada pemain ini.

## Mainkan cakera yang terkunci

Apabila anda memuatkan cakera yang terkunci, [MASUKKAN KATA LALUAN] akan dipaparkan, dan "0" akan dipaparkan sebagai digit pertama kata laluan.

- 1 Tekan ▲ / ▼ untuk menetapkan nilai (0 hingga 9) kepada digit pertama.
- 2 Tekan ►►.
- 3 Ulang langkah 1 dan 2 untuk memasukkan kata laluan 6 digit.
- 4 Tekan OK untuk mengesahkan.



### Petua

- Rujuk kepada "Persediaan" > "Keutamaan" > [Kata Laluan] untuk cara menukar kata laluan.

## Persediaan video

 Umum	Sistem TV	• PAL
 Video	Nisbah aspek	• 4:3 Pan Scan
 Audio	Progresif	• Dimatikan
 Keutamaan	Tetapan Gambar	• Piawai
	HD JPEG	• Hidup
	P'sediaan HDMI	

**[Sistem TV]** - Pilih sistem TV yang sepadan dengan TV anda. Secara lalai, tetapan ini sepadan dengan TV biasa di negara anda.

**[Nisbah aspek]** - Pilih nisbah paparan yang sepadan dengan skrin TV anda.

**[Progresif]** - Dayakan atau nyahdaya mod imbas progresif pada pemain ini.

**[Tetapan Gambar]** - Pilih tetapan yang dipratakrif untuk warna gambar, atau suaikan tetapan.

**[HD JPEG]** - Dayakan ciri ini untuk melihat gambar definisi tinggi melalui sambungan HDMI.

**[P'sediaan HDMI]** - Tetapkan pilihan bagi sambungan HDMI.

- **[Resolusi]** - Pilih resolusi bagi video definisi tinggi.
- **[Warna Tua HDMI]** - Wujudkan imej berwarna terang dengan lebih banyak perincian warna apabila kandungan video dirakam dalam Warna Terang dan TV menyokong ciri ini.
- **[Frmt Skrin Lbr]** - Pilih format paparan bagi video skrin lebar.
- **[Sdiaan EasyLink]** - Pemain ini menyokong EasyLink Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Anda boleh menggunakan alat kawalan jauh yang sama untuk mengawal peranti yang patuh EasyLink yang bersambung melalui HDMI.
  - **[EasyLink]** - Dayakan atau nyahdaya ciri EasyLink.
  - **[Main Satu Sth]** - Selepas anda mendayakan ciri ini, TV HDMI CEC yang bersambung secara automatik akan beralih kepada saluran input HDMI apabila anda memainkan cakera.
  - **[SSediaStuSntuh]** - Selepas anda mendayakan ciri ini, anda boleh tekan dan tahan  pada alat kawalan jauh pemain anda untuk mengalihkan serentak semua peranti HDMI CEC yang bersambung kepada mod siap sedia.



### Catatan

- Rujuk kepada "Philips EasyLink" untuk butiran.



# Persediaan

## Persediaan audio

	Umum	Output Analog	• Stereo
	Video	Audio Digital	
	Audio	HDMI Audio	• Hidup
	Keutamaan	Pyrgk Audio	
		Kelantangan	
		Mod Bunyi	
		Mod Malam	• Dimatikan

**[Output Analog]** - Laraskan tetapan ini bagi output audio menerusi **AUDIO OUT L/R**.

- **[Stereo]** - Mampatkan bunyi digital Dolby berbilang saluran kepada bunyi stereofonik.
- **[LT/RT]** - Mampatkan bunyi digital Dolby berbilang saluran kepada bunyi keliling 2 saluran.

**[Audio Digital]** - Laraskan tetapan ini bagi output audio melalui **COAXIAL/DIGITAL OUT**.

- **[Output Digital]** - Pilih jenis output digital.
  - **[Dimatikan]** - Nyahdayakan output digital.
  - **[Semua]** - Sokong format audio berbilang saluran.
  - **[PCM Saja]** - Gabung turun kepada isyarat audio dua saluran.
- **[Output Lpcm]** - Pilih kadar pensampelan output LPCM (Modulasi Kod Nadi Linear).



### Catatan

- **[Output Lpcm]** tetapan hanya boleh diubah apabila **[Output Digital]** ditetapkan sebagai **[PCM Saja]**.
- Semakin tinggi kadar pensampelan, semakin baik kualiti bunyi.

**[HDMI Audio]** - Dayakan atau nyahdaya output audio melalui kabel HDMI.

**[Pyrgk Audio]** - Tetapkan masa tunda bagi output audio apabila anda memainkan cakera video.

**[Kelantangan]** - Tetapkan paras kelantangan lalai.

**[Mod Bunyi]** - Pilih kesan bunyi yang dipraset.

**[Mod Malam]** - Samakan bunyi kuat dan bunyi lembut. Dayakan ciri ini untuk menonton wayang DVD pada kelantangan rendah pada waktu malam.



### Catatan

- Hanya berlaku pada cakera DVD berkod Dolby Digital sahaja.

## Keutamaan

	Umum	Audio	• Inggeris
	Sari Kata	• Dimatikan	
	Menu Cakera	• Inggeris	
	Kwln Ibu Bapa	• 8 Dewasa	
	PBC	• Hidup	
	Kata Laluan	• Tukar	
	Sarikata DivX	• Piawai	
		Maklumat Versi	

**[Audio]** - Pilih bahasa audio.

**[Sari Kata]** - Pilih bahasa untuk sari kata.

**[Menu Cakera]** - Pilih bahasa untuk menu cakera.



### Catatan

- Bagi sesetengah DVD, bahasa sari kata atau audio hanya boleh ditukar daripada menu cakera.
- Bagi bahasa yang tidak disenaraikan, pilih **[Lain]**. Semak senarai kod bahasa (lihat “Language Code”), dan kemudian masukkan kod bahasa masing-masing, (Rujuk kepada “Persediaan” > “Persediaan umum” > “Mainkan cakera yang terkunci” bagi cara memasukkan kod 4 digit)

**[Kwln Ibu Bapa]** - Pilih tahap pengadaran untuk menghadkan mainan cakera bagi kanak-kanak. Cakera-cakera ini hendaklah dirakam dengan tahap pengadaran.



### Catatan

- Untuk memainkan cakera DVD yang mempunyai tahap pengadaran lebih tinggi daripada tetapan anda, masukkan kata laluan dahulu. (Rujuk kepada “Persediaan” > “Persediaan umum” > “Mainkan cakera yang terkunci” untuk mendapatkan butiran)
- Pengadaran adalah bergantung kepada negara. Untuk membolehkan semua cakera dimainkan, pilih **[8 Dewasa]**.
- Sesetengah cakera mempunyai pengadaran yang tercetak padanya tetapi tidak dirakam dengan pengadaran. Fungsi ini tidak memberi kesan pada cakera sedemikian.

**[PBC]** - Dayakan atau nyahdaya ciri PBC (kawalan main balik).

**[Kata Laluan]** - Tukar kata laluan untuk memainkan cakera yang terkunci atau dihadkan dengan tahap pengadaran.



### Catatan

- Jika anda terlupa kata laluan, masukkan “136900” sebelum anda menetapkan kata laluan baru.



## Persediaan


### Tukar kata laluan

- 1 Pilih [Keutamaan] > [Kata Laluan] > [Tukar], dan kemudian tekan **OK**.  
↳ Antara muka untuk menukar kata laluan dipaparkan.
- 2 Tekan **OK** sekali lagi.  
↳ "0" dipaparkan di belakang [Kata Laluan Lama] sebagai digit pertama kata laluan lama.
- 3 Tekan **▲** / **▼** untuk menetapkan nilai (0-9) kepada digit pertama.
- 4 Tekan **►►**.
- 5 Ulang langkah 3 dan 4 untuk memasukkan kata laluan lama 6 digit.
- 6 Ulang langkah 3 dan 4 untuk memasukkan kata laluan baru di belakang [Kata Laluan Baru].
- 7 Ulang langkah 3 dan 4 untuk memasukkan kata laluan baru di belakang [Sahkan Kata Laluan].

[Sarikata DivX] - Pilih set aksara yang menyokong sari kata video DivX anda.

[Maklumat Versi]: Paparkan maklumat mengenai versi perisian pemain ini.

[Sedia Ada] - Tetapkan semula semua tetapan kepada nilai lalai kilang, kecuali tetapan bagi [Kunci Cakera], [KwlN Ibu Bapa], dan [Kata Laluan].



# Kemas kini perisian




## Catatan

- Bekalan kuasa tidak boleh diganggu semasa kemas kini perisian.

Semak versi perisian semasa pemain ini, dan kemudian pergi ke laman web Philips untuk mendapatkan maklumat mengenai kemas kini perisian.

## Semak versi perisian semasa

- 1 Tekan .
- 2 Pilih , kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [Keutamaan]> [Maklumat Versi], dan kemudian tekan **OK**.



- 4 Tuliskan dua digit terakhir “XX” di belakang **[Versi]** (seperti, “09” dalam grafik di atas).  
↳ Versi perisian semasa ialah VXX.

## Lakukan kemas kini

- 1 Pergi ke [www.philips.com/support](http://www.philips.com/support).
- 2 Cari maklumat sokongan dengan “DVP3880K/98” sebagai kata kunci.
- 3 Klik hasil carian untuk memaparkan maklumat sokongan yang tersedia.
- 4 Baca Fail Readme Peralatan Tegar dan ikut arahan untuk menyelesaikan kemas kini perisian.



# Menyelesaikan masalah



## Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung pemain ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki pemain ini sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan pemain ini, periksa perkara yang berikut sebelum anda memohon servis. Jika anda masih mempunyai masalah, daftarkan pemain anda dan dapatkan sokongan di [www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome).

Jika anda menghubungi Phillips, anda akan diminta untuk memberikan nombor model dan nombor siri pemain ini. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang pemain ini. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model \_\_\_\_\_

No. Siri \_\_\_\_\_

### Tiada gambar.

- Rujuk kepada manual pengguna TV mengenai cara untuk memilih saluran input video yang betul.
- Beralih kepada mod lalai jika tetapan imbas progresif atau tetapan sistem TV bertukar.

### Tiada gambar pada sambungan HDMI.

- Jika pemain ini bersambung dengan peranti paparan yang tidak sah, isyarat audio/video tidak dapat dihasilkan.
- Jika kabel HDMI rosak, ganti dengan kable HDMI yang baru.
- Jika anda telah menukar tetapan bagi resolusi video HDMI, beralih kepada mod lainnya.

### Tiada output suara daripada TV.

- Pastikan bahawa kabel audio bersambung dengan soket input audio yang dikelompokkan bersama soket input video yang dipilih.

### Tiada bunyi pada sambungan HDMI.

- Jika peranti yang bersambung tidak patuh HDCP atau hanya serasi DVI, bunyi tidak akan dapat didengar daripada output HDMI.
- Pastikan bahawa **[HDMI Audio]** ditetapkan pada **[Hidup]**.

### Tiada bunyi semasa main balik video DivX.

- Kod audio tidak disokong.

### Cakera atau peranti storan USB tidak dapat dibaca.

- Pastikan bahawa pemain ini menyokong cakera atau peranti storan USB. (Rujuk kepada "Spesifikasi" > "Media boleh main")
- Bagi cakera yang dirakam, pastikan cakera telah dimuktamadkan.

### Fail dirakam (JPEG, MP3, WMA) tidak boleh dimainkan atau dibaca.

- Pastikan bahawa fail telah dirakam dalam format UDF, ISO9660, atau JOLIET.
- Pastikan bahawa bilangan fail tidak melebihi had (maksimum 648 fail).
- Pastikan bahawa pemain ini menyokong fail-fail ini. (Rujuk kepada "Spesifikasi" > "Media boleh main")

**Fail video DivX tidak boleh dimainkan.**

- Pastikan bahawa fail video DivX adalah lengkap dan sambungan fail adalah betul.
- Fail video dilindungi DRM yang disimpan pada pemacu denyar USB tidak dapat dimainkan melalui sambungan analog video (contohnya, komposit, komponen dan scart). Pindahkan kandungan video ke dalam cakera yang disokong, atau gunakan sambungan HDMI untuk memainkan fail jenis ini.

**Sari kata DivX tidak dipaparkan dengan betul.**

- Pastikan nama fail sari kata sama dengan nama fail video.
- Pastikan bahawa fail video DivX dan fail sari kata disimpan dalam direktori yang sama.
- Pilih set aksara yang menyokong sari kata. (Rujuk kepada **[Keutamaan] > [Sarikata DivX]**)

**EasyLink tidak berfungsi.**

- Pastikan bahawa ciri EasyLink didayakan pada TV.
- Pastikan bahawa tetapan bagi **[EasyLink]** adalah betul.



# Spesifikasi



## Catatan

- Spesifikasi boleh ditukar tanpa notis.

Kod rantau DVD	Negara
	Asia Pasifik, Taiwan, Korea

## Media boleh main

- **Cakera**
  - DVD, DVD-Video, VCD, SVCD, Audio CD
  - DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R/-R DL (Dua Lapisan), CD-R/-RW (Bilangan fail maksimum 648)
- **Fail**
  - Video: .avi, .divx, .mp4, .xvid
  - Audio: .mp3, .wma
  - Gambar: .jpg, .jpeg
- **peranti storan USB**
  - Keserasian: USB Kelajuan tinggi (2.0)
  - Sokongan kelas: MSC (Kelas Penyimpanan Massa)
  - Sistem fail: FAT16, FAT32
  - Bilangan maksimum album/folder: 300
  - Bilangan maksimum trek/tajuk: 648

## Video

- Sistem isyarat: PAL, NTSC
- Output video komposit: 1 Vp-p (75 Ohm)
- Output video komponen: 0.7 Vp-p (75 Ohm)
- Output HDMI: 480i, 480p, 576i, 576p, 720p, 1080i, 1080p

## Audio

- Output analog 2 saluran
  - AUDIO OUT L&R : 2 Vrms (47k Ohm)
- Output digital: 0.5 Vp-p (75 Ohm)
  - Sepaksi (Coaxial)
- Output HDMI
- Frekuensi pensampelan:
  - MP3: 8 kHz, 11 kHz, 12 kHz, 16 kHz, 22 kHz, 24 kHz, 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
  - WMA: 44.1 kHz, 48 kHz

- Kadar bit tetap:
  - MP3: 8 kbps - 320 kbps
  - WMA: 64 kbps - 192 kbps

#### **Unit utama**

- Dimensi (L x T x D):  $360 \times 42 \times 209$  (mm)
- Berat Bersih: 1.34 kg

#### **Kuasa**

- Pengadaran bekalan kuasa: 110-240 V~; 50/60 Hz
- Penggunaan kuasa: < 10 W
- Penggunaan kuasa dalam mod siap sedia: < 0.4 W

#### **Aksesori yang dibekalkan**

- Alat kawalan jauh dan satu bateri
- Kord kuasa
- Kabel HDMI
- Kabel Audio/Video
- Manual Pengguna

#### **Spesifikasi laser**

- Jenis: Semikonduktor laser InGaAIP (DVD), AlGaAs (CD)
- Panjang gelombang: 658 nm (DVD), 790 nm (CD)
- Kuasa Output: 7.0 mW (DVD), 10.0 mW (VCD/CD)
- Kecapahan alur: 60 darjah.



## Notis

### Jagaan produk anda

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk bagi tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

### Jagaan alam sekitar



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.



Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC.

Sila maklumkan diri anda mengenai sistem kutipan berasingan setempat untuk produk elektrik dan elektronik.

Sila bertindak menurut peraturan setempat anda dan jangan buang produk lama anda dengan sisa rumah anda yang biasa. Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah potensi akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.



Produk anda mengandungi bateri yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah yang biasa. Sila maklumkan diri anda sendiri mengenai peraturan setempat mengenai pengumpulan berasingan bateri kerana pelupusan yang betul membantu mencegah akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

### Pematuhan

Perkakas ini disertai label ini:



## Hak cipta



**Be responsible  
Respect copyrights**

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S. dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahimpunan adalah dilarang.

2011 © Koninklijke Philips Electronics N.V.

Spesifikasi boleh ditukar tanpa notis. Tanda dagangan adalah hak Koninklijke Philips Electronics N.V atau pemilik masing-masing. Philips mempunyai hak untuk menukar produk pada bila-bila masa tanpa bertanggungjawab untuk menyesuaikan bekalan awal sewajarnya.

---

## Jaminan

- Risiko kecederaan, kerosakan pada pemain atau pembatalan jaminan! Jangan cuba perbaiki sendiri pemain ini.
- Gunakan pemain dan aksesori ini hanya sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengilang. Tanda amaran yang dicetak di bahagian belakang pemain menunjukkan risiko kejutan elektrik.
- Jangan sekali-kali membuka penutup pemain. Sentiasa hubungi Sokongan Pelanggan Philips untuk khidmat atau pembaikan.
- Sebarang pengendalian yang dilarang secara nyata dalam manual ini, atau sebarang prosedur penyesuaian dan pemasangan yang tidak disyorkan atau dibenarkan dalam manual ini akan membatalkan jaminan ini.

---

## Notis tanda dagangan



TENTANG VIDEO DIVX: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, LLC. Ini adalah peranti rasmi DivX Certified® yang memainkan video DivX. Lawati [www.divx.com](http://www.divx.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.

MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti DivX Certified® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan filem Video atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke [vod.divx.com](http://vod.divx.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara menyelesaikan pendaftaran anda.

DivX®, DivX Certified® dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan Sonic Solutions dan digunakan dengan kebenaran.

DivX Ultra® Certified untuk memainkan video DivX® dengan ciri lanjutan dan kandungan premium.



# Notis

---



HDMI, dan logo HDMI, dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar LLC melesenkan HDMI di Amerika Syarikat dan negara-negara lain.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.

# Language code

Abkhazian	6566	Inupiaq	7375	Pushto	8083
Afar	6565	Irish	7165	Russian	8285
Afrikaans	6570	Íslenska	7383	Quechua	8185
Amharic	6577	Italiano	7384	Raeto-Romance	8277
Arabic	6582	Ivrit	7269	Romanian	8279
Armenian	7289	Japanese	7465	Rundi	8278
Assamese	6583	Javanese	7486	Samoan	8377
Avestan	6569	Kalaallisut	7576	Sango	8371
Aymara	6589	Kannada	7578	Sanskrit	8365
Azerbaijani	6590	Kashmiri	7583	Sardinian	8367
Bahasa Melayu	7783	Kazakh	7575	Serbian	8382
Bashkir	6665	Kernewek	7587	Shona	8378
Belarusian	6669	Khmer	7577	Shqip	8381
Bengali	6678	Kinyarwanda	8287	Sindhi	8368
Bihari	6672	Kirghiz	7589	Sinhalese	8373
Bislama	6673	Komi	7586	Slovensky	8373
Bokmål, Norwegian	7866	Korean	7579	Slovenian	8376
Bosanski	6683	Kuanyama; Kwanyama	7574	Somali	8379
Brezhoneg	6682	Kurdish	7585	Sotho; Southern	8384
Bulgarian	6671	Lao	7679	South Ndebele	7882
Burmese	7789	Latina	7665	Sundanese	8385
Castellano, Español	6983	Latvian	7686	Suomi	7073
Catalán	6765	Letzeburgesch;	7666	Swahili	8387
Chamorro	6772	Limburgan; Limburger	7673	Swati	8383
Chechen	6769	Lingala	7678	Svenska	8386
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889	Lithuanian	7684	Tagalog	8476
中文	9072	Luxembourgish;	7666	Tahitian	8489
Chuang; Zhuang	9065	Macedonian	7775	Tajik	8471
Church Slavic; Slavonic	6785	Malagasy	7771	Tamil	8465
Chuvash	6786	Magyar	7285	Tatar	8484
Corsican	6779	Malayalam	7776	Telugu	8469
Česky	6783	Maltese	7784	Thai	8472
Dansk	6865	Manx	7186	Tibetan	6679
Deutsch	6869	Maori	7773	Tigrinya	8473
Dzongkha	6890	Marathi	7782	Tonga (Tonga Islands)	8479
English	6978	Marshallese	7772	Tsonga	8483
Esperanto	6979	Moldavian	7779	Tswana	8478
Estonian	6984	Mongolian	7778	Türkçe	8482
Euskara	6985	Nauru	7865	Turkmen	8475
Ελληνικά	6976	Navaho; Navajo	7886	Twi	8487
Faroese	7079	Ndebele, North	7868	Uighur	8571
Français	7082	Ndebele, South	7882	Ukrainian	8575
Frysk	7089	Ndonga	7871	Urdu	8582
Fijian	7074	Nederlands	7876	Uzbek	8590
Gaelic; Scottish Gaelic	7168	Nepali	7869	Vietnamese	8673
Gallegan	7176	Norsk	7879	Volapuk	8679
Georgian	7565	Northern Sami	8369	Walloon	8765
Gikuyu; Kikuyu	7573	North Ndebele	7868	Welsh	6789
Guarani	7178	Norwegian Nynorsk;	7878	Wolof	8779
Gujarati	7185	Occitan; Provençal	7967	Xhosa	8872
Hausa	7265	Old Bulgarian; Old Slavonic	6785	Yiddish	8973
Herero	7290	Oriya	7982	Yoruba	8979
Hindi	7273	Oromo	7977	Zulu	9085
Hiri Motu	7279	Ossetian; Ossetic	7983		
Hrvatski	6779	Pali	8073		
Ido	7379	Punjabi	8065		
Interlingua (International)	7365	Persian	7065		
Interlingue	7365	Polski	8076		
Inuktitut	7385	Português	8084		



© 2011 Koninklijke Philips Electronics N.V.

All rights reserved.

DVP3880K\_98\_UM\_V2.0

